

KEMAHIRAN MENULIS TUGASAN AKADEMIK: SATU SOROTAN KAJIAN

Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Julia Madzalan

Nurul Syuhaida Aman & Muhammad Syakir Sulaiman

mohdizzuddin@kuis.edu.my, julia@kuis.edu.my, syuhaida@kuis.edu.my, syakir@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan berkaitan konsep, sikap dan keupayaan sendiri dalam melaksanakan kemahiran menulis. Selain itu, kerja ini turut membincangkan berkaitan pendekatan dalam melaksanakan kemahiran menulis. Di akhir penulisan ini, penyelidik telah mengemukakan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan kemahiran menulis sama apa di peringkat pendidikan rendah, menengah mahupun pendidikan tinggi. Diharapkan penulisan ini dapat memberikan panduan kepada para pensyarah dan para pelajar dalam meningkatkan bimbingan serta penguasaan dalam melaksanakan kemahiran menulis.

Kata kunci: Konsep, sikap, keupayaan sendiri, kemahiran menulis.

1.0 PENDAHULUAN

Menulis merupakan kemahiran bahasa yang tertinggi dan pelajar dapat menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik mampu menguasai kemahiran mendengar, membaca dan menulis (Abdul Ghani, 2016; Yusfaiza & Mohd Ishah, 2012). Proses menulis memerlukan seseorang pelajar yang berfikir semasa merancang, semasa menulis dan selepas penulisan dihasilkan (Yusfaiza & Mohd Ishah, 2012). Hal ini kerana, kemahiran menulis adalah merupakan suatu budaya intelek yang saling berkaitan antara kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemampuan menulis merupakan proses penyampaian maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, pembaca dan gaya penulisan (Abdul Rasid, 2011).

Namun begitu, permasalahan yang berlaku adalah persekolahan yang mengamalkan kurikulum yang kompleks, tidak prihatin kepada perbezaan keupayaan murid, guru terikat dalam menghabiskan sukatan pelajaran. Faktor kelemahan dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis menyebabkan murid berasa rendah diri dan masalah disiplin merosot. Melalui aktiviti projek penulisan, murid dapat meningkatkan penguasaan terhadap kemahiran menulis melalui pembinaan bahan penulisan, disamping meningkatkan keupayaan murid mengemukakan idea dengan kreatif, mereka bentuk dan menggunakan bahasa yang bersesuaian. (Yahya & Suzanawaty, 2014). Kompetensi menulis bahan ilmiah berkait rapat dengan kepandaian pelajar melalui hasil ilmiah yang disediakan. Manakala, konsep literasi merujuk kepada kebolehan minimum menggunakan kemahiran membaca dan menulis dalam memenuhi kehidupan seharian dan keperluan asas setiap individu (Hashim, 2005).

Kemahiran menulis adalah sebahagian kemahiran literasi dan hak asasi individu yang menjadi kewajipan kepada kerajaan untuk memberikan peluang dalam mempelajari kemahiran menulis (Hashim, 2005). Dapat disimpulkan bahawa kemahiran menulis memerlukan pelajar yang mampu untuk mengingati bahan bacaan dan menganalisis serta merumuskan bahan bacaan dalam suatu penulisan yang dihasilkan agar perkembangan kognitif pelajar sentiasa berkembang. Masalah yang dihadapi oleh guru adalah kurang pendedahan yang diberikan kepada pelajar tentang teknik penulisan, kurang keyakinan guru untuk mengajar teknik penulisan kerana kurang pengalaman, sumber pengajaran dan rujukan khusus dalam teknik penulisan agak terhad di pasaran (Zaleha, 2014).

2.0 KONSEP KEMAHIRAN MENULIS

Pembelajaran kemahiran menulis pelajar diharapkan dapat mengembangkan potensi sesuai dengan kemampuan, keperluan, dan minatnya serta dapat menghasilkan penulisan yang berkualiti. Kepekaan rasa (sensitiviti), kreativiti pelajar juga akan berkembang melalui pembelajaran ini mampu mewujudkan sikap kemanusiaan dalam diri para pelajar sehingga mereka dapat membentuk peribadi yang utuh dan berbudi pekerti luhur.

Peranan pensyarah amatlah penting dalam memantapkan penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar. Tanggungjawab pensyarah sebagai pembimbing dalam memberikan kemudahan dalam aktiviti pembelajaran pelajar. Namun kajian mendapati, pembelajaran kemahiran menulis masih melaksanakan pembelajaran pada tahap sederhana. Para pensyarah banyak memberikan penjelasan kepada pelajar dan selepas itu meminta pelajar menulis tugasan ilmiah tersebut. Kesannya, pelajar tidak dapat mengembangkan potensi secara meluas, memahami apa yang disampaikan melalui penulisan. Kemahiran menulis merupakan satu bentuk penulisan yang memerlukan kreativiti yang memiliki kemampuan menunjukkan fakta, isu dan pandangan tokoh yang berkaitan yang menampilkan kecenderungan ilmu pengetahuan. Bagi mencapai tujuan tersebut, pembelajaran kreatif memerlukan proses pengembangan kemahiran secara individu.

Dapat disimpulkan bahawa kemahiran menulis memerlukan pelajar yang mampu untuk mengingat bahan bacaan dan menganalisis serta merumuskan bahan bacaan dalam suatu penulisan yang dihasilkan agar perkembangan kognitif pelajar sentiasa berkembang. Masalah yang dihadapi oleh guru adalah kurang pendedahan yang diberikan kepada pelajar tentang teknik penulisan, kurang keyakinan guru untuk mengajar teknik penulisan kerana kurang pengalaman, sumber pengajaran dan rujukan khusus dalam teknik penulisan agak terhad di pasaran (Zaleha, 2014).

3.0 SIKAP DALAM PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENULIS

Pencapaian pelajar dalam penulisan karangan masih kurang memuaskan disebabkan oleh beberapa faktor iaitu kelemahan pelajar sendiri, sikap negatif murid yang kurang berminat terhadap pelajaran, kelemahan strategi pengajaran guru, kesilapan memilih tajuk, kekurangan isi,

pembahagian perenggan, tidak merangka karangan, pengulangan isi, kesalahan tatabahasa, kesuntukan masa, tidak mengikut jumlah perkataan, tidak dapat mengenal pasti format dan penggunaan bahasa dialek.

Selain itu, sikap guru juga menjadi salah satu faktor kegagalan pelajar menguasai kemahiran menulis. Aplikasi strategi, sikap dan masalah pensyarah yang dihadapi dalam kelas memberi kesan kepada pembelajaran kemahiran penulisan. Pensyarah disarankan mengambil berat tentang kemahiran menulis kerana ia merupakan salah satu aspek wajib dalam mengajar bahasa selain aspek lisan dan kefahaman. Selain itu, sikap-sikap lain yang dikaji ialah menjalankan aktiviti penulisan dalam pengajaran dan pembelajaran, mengajar kemahiran menulis mengikut kebolehan pelajar, berpuas hati mengajar kemahiran menulis, dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat untuk memperbaiki kaedah pengajaran kemahiran menulis. Selain itu, masalah penulisan karangan pelajar juga turut berpunca daripada gaya pengajaran pensyarah di dalam kelas. Faktor pengajaran pensyarah yang sukar difahami oleh murid mempengaruhi prestasi pelajar dalam penulisan. Penggunaan bahan rangsangan tanpa teknik yang berkesan, mendorong kepada kelemahan penguasaan kemahiran penulisan. Namun demikian, ramai pensyarah menyedari bahawa melaksanakan pengajaran kemahiran menulis merupakan tanggungjawab guru.

4.0 KEUPAYAAN MENULIS DALAM KEMAHIRAN MENULIS

Tugasan ilmiah bertujuan menguji keupayaan dan kebolehan pelajar-pelajar pendidikan tinggi dalam menghasilkan tugas yang berkualiti. Menurut Hanafi et. al. 2017 mendapati terdapat faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada kebolehan, keupayaan dan cabaran untuk menulis. Cabaran dan rintangan penulisan ilmiah dalam kalangan pelajar-pelajar dipengaruhi oleh faktor keupayaan diri. Keupayaan diri diuji berdasarkan kepada rintangan dan cabaran apabila memulakan dan melengkapkan sesuatu penulisan. Segalanya mampu diatasi jika semua para pelajar mempunyai rasa tanggungjawab dan disiplin diri yang kuat. Berdisiplin dan kesungguhan ketika menimba ilmu di dewan kuliah, komunikasi yang baik dengan rakan-rakan serta pensyarah-pensyarah menyumbang kepada peningkatan kualiti tugas ilmiah dalam kalangan para pelajar.

Cabaran menulis tugas ilmiah bagi para pelajar berkait rapat dengan kebolehan dan keupayaan diri secara dalaman dan luaran. Terdapat beberapa faktor cabaran keupayaan diri yang mempengaruhi penulisan para pelajar secara dalaman. Antara cabaran keupayaan diri secara dalaman ialah dipengaruhi oleh kurangnya amalan pembacaan dalam kalangan para pelajar. Hal ini akan memberikan kesan kepada tahap pengetahuan dan pemahaman yang semakin lemah. Kelemahan ini menyebabkan para pelajar mudah putus asa dan mula menunjukkan kemalasan dalam melakukan tugas menulis.

Tanggungjawab dan disiplin yang tinggi seharusnya perlu ada bagi setiap individu yang berstatus para pelajar kerana jika sikap bertanggungjawab dan disiplin diri tidak dipraktikkan, akan memburukkan lagi situasi ini. Bagi pelajar-pelajar yang dipengaruhi dengan senario sikap malas dan malu untuk bertanya menambahkan lagi cabaran dan rintangan untuk tidak menulis. Akhirnya tahap keupayaan diri untuk menulis mula pudar sedikit demi sedikit dan penulisannya menjadi tidak berkualiti serta tidak mampu untuk dilaksanakan.

Cabaran keupayaan diri secara dalaman juga dipengaruhi oleh faktor kesihatan dan penjagaan diri. Tahap kesihatan yang kurang memuaskan merupakan cabaran terhadap seseorang individu yang bergelar para pelajar. Hal ini adalah kerana tahap kesihatan yang dikategorikan sebagai ringan mahupun kronik tetap akan menjejaskan proses tugas ilmiah para pelajar. Faktor ini memburukkan lagi situasi para pelajar yang sedang menyediakan dan menyiapkan tugas ilmiah kerana kategori penulisannya sangat kompleks. Dalam pada itu juga cabaran keupayaan diri secara dalaman bagi para pelajar ialah apabila ditimpa malapetaka seperti terlibat dalam kemalangan atau pelajar-pelajar wanita yang mengandung semasa di dalam pengajian. Perkara tersebut juga menyumbang kepada cabaran dalam penulisan kerana situasi tersebut menjejaskan proses penulisan ilmiah masing-masing.

Apabila wujudnya situasi tidak dapat membiasakan diri serta tidak berkeyakinan untuk menulis, ia akan menyebabkan kegagalan kepada pelajar-pelajar siswazah untuk melengkapkan kehendak sesuatu matapelajarannya. Faktor ini akan mewujudkan suatu perasaan gemuruh, gelisah dan tidak mempunyai keyakinan untuk menulis dan terus menulis. Situasi ini tidak harus dibiarkan berterusan kerana ia akan mengakibatkan kegagalan dalam pengajian mereka. Sebagai pelajar-pelajar siswazah adalah menjadi tanggungjawab untuk bersikap lebih fokus dalam pengajian terutama ketika aktiviti pembacaan agar dapat memahami maklumat dan informasi

lebih jelas dan tepat. Pelajar-pelajar siswazah juga perlu lebih fokus dan minat terhadap bidang pengajiannya. Motivasi menghasilkan penulisan ilmiah bukan berdasarkan semangat mencintai ilmu dan rasa bertanggungjawab atas ilmu. Menurut Ahmad Fauzi (2005), kelemahan untuk menulis, menghasilkan penulisan ilmiah ialah kegagalan dalam menghayati penulisan ilmiah sebagai satu objek yang memberi kepuasan dan keseronokan tersendiri.

Disiplin dalam diri amat penting bagi setiap pelajar-pelajar siswazah kerana setiap penulisan yang ingin dilaksanakan melibatkan kadar masa yang tertentu yang ditetapkan. Persediaan terhadap disiplin diri perlu berada di tahap yang sangat memuaskan. Pelajar-pelajar siswazah perlu mempunyai kejujuran terhadap diri sendiri, perlu fokus dan menepati kadar masa serta sentiasa sabar ketika proses penulisan. Pembahagian masa amat penting ketika proses penulisan supaya IdeologyJournal Volume 2, Issue 2 | 89 semua yang dirancang berada dalam situasi yang lebih teratur dan berkualiti. Pelajar-pelajar perlu berusaha memaksimumkan tahap keyakinan dan memotivasikan dalam diri supaya lebih bersedia dan fokus untuk melaksanakan penulisan ilmiah.

Komunikasi yang baik dengan penyelia ataupun pensyarah merupakan faktor yang sangat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu penulisan ilmiah. Sehubungan dengan itu, pertemuan dan perbincangan dengan penyelia ataupun pensyarah seharusnya dilakukan sekerap yang mungkin. Penjadualan untuk pertemuan dengan penyelia ataupun pensyarah dapat membantu mewujudkan konsep bermotivasi. Komunikasi yang baik sangat penting dalam membentuk perhubungan akrab dikalangan pelajar-pelajar. Hal ini kerana konsep bantu membantu dalam kalangan pelajar-pelajar ini dapat memberi semangat kerjasama dan motivasi ketika proses menjalankan kajian dan melaksanakan penulisan ilmiah.

5.0 PENDEKATAN KEMAHIRAN MENULIS

Penumpuan berkaitan kandungan penerangan guru, bentuk penyemakan, dan penilaian karangan. Dalam penerangan pensyarah, tumpuan diberi kepada aspek luaran seperti maklumat atau perkataan utama yang terkandung dalam tajuk karangan, bentuk karangan yang asas (iaitu sebuah karangan perlu ada pengenalan, isi, dan penutup), dan menyenarai, memilih, dan menyusun isi karangan. Malahan, boleh dikatakan bahawa sebahagian besar masa pra menulis karangan diberi untuk perbincangan isi karangan. Penerangan tentang kehendak dan bentuk

karangan adalah ringkas. Begitu juga dengan arahan yang diberikan kepada pelajar sebelum mereka memulakan karangan. Arahan pensyarah, lazimnya berbentuk peringatan kepada pelajar tentang jumlah perkataan, penulisan tajuk penulisan, dan tempoh masa yang diberikan. Aspek dalaman yang melibatkan proses kognitif tentang kerangka yang dapat memberi kesatuan dalam penulisan keseluruhan penulisan tidak diberikan oleh pensyarah. Contohnya, penerangan dan latihan tentang strategi mendapatkan isi karangan, strategi mengenal pasti tujuan penulisan dan jenis khlayak pembaca, strategi memulakan karangan, strategi menyemak dan membentuk perenggan sangat kurang disentuh.

Dalam pengajaran pensyarah, pernyataan dan catatan tajuk karangan disusuli dengan penerangan tentang kehendak penulisan, bentuk karangan, dan seterusnya diakhiri dengan perbincangan tentang isi karangan. Setelah kesemua penerangan dan perbincangan tentang isi diberi, para pelajar diarahkan supaya memulakan penulisan. Penulisan karangan tersebut kemudiannya dikutip dan disemak untuk diberi penilaian. Pelaksanaan pengajaran yang dijalankan menunjukkan bahawa bentuk pengajaran guru tidak selaras dengan sifat proses mengarang pelajar sebagaimana yang ditunjukkan oleh kebanyakan kajian. Pada keseluruhannya, terdapat dua bentuk penilaian utama yang diberikan oleh pensyarah iaitu memberi komentar bertulis dan memberi markah atau gred. Penelitian terhadap komentar bertulis menunjukkan bahawa penumpuan perhatian guru lebih tertumpu pada jumlah isi karangan, nahu, dan ejaan serta penggunaan tanda baca. Komentar yang berkait dengan proses mengarang yang melibatkan aspek "bagaimana" dapat membaiki mutu penulisan karangan tidak dicatatkan untuk kegunaan pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa penyemakan dan penilaian yang dijalankan lebih bersifat luaran atau pada permukaan, dan tidak bersifat dalaman yang melibatkan perubahan makna (Faigley & Witte 1981). Penilaian dan penyemakan yang dijalankan adalah lebih untuk menyunting, dan bukan untuk menentukan keberkesanan maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca. Bentuk penyemakan dan penilaian karangan tersebut boleh disamakan dengan bentuk penilaian yang dibuat untuk peperiksaan.

Pada keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa fokus pengajaran guru dari segi penerangan, proses semakan dan penilaian yang dilakukan tidak memungkinkan sama ada penulisan karangan dapat menyampaikan maksud atau tujuan kepada pembaca atau tidak. Dalam perkataan lain, pengajaran kemahiran menulis karangan adalah lebih untuk menyediakan pelajar menulis karangan mengikut kriteria peperiksaan yang telah ditetapkan. Satu lagi dapatan

kajian yang berkaitan dengan pendekatan pengajaran guru adalah tentang penglibatan guru dalam pengajaran kemahiran mengarang di dalam kelas. Pengajaran guru dalam konteks ini menunjukkan bahawa guru hanya memberi tumpuan kepada pengajaran pada peringkat pramenulis karangan. Pada peringkat pramenulis karangan, guru memberi masa untuk membuat penerangan dan perbincangan dengan pelajar sebelum mereka mula mengarang. Pada peringkat semasa dan selepas menulis karangan, guru kurang memberi bimbingan kepada pelajar untuk menulis dan menyiapkan tugas karangan. Malahan, pada peringkat semasa dan selepas menulis karangan, guru tidak membenarkan para pelajar berkongsi pendapat dan diarahkan supaya menulis secara individu. Hal ini seolah-olah menunjukkan bahawa tugas guru selesai dengan penerangan dan perbincangan yang dilakukan pada peringkat pramenulis karangan 68 PenanikaJ. Soc. Sci. & Hum. Vol. 5 No.2 1997.

Dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang, guru dan pelajar perlu berkerjasama dan memainkan peranan yang sama penting (White & Arndt, 1991). Dalam situasi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, guru bukan sahaja berperanan sebagai pengajar tetapi juga sebagai pembimbing dan fasilitator bagi mewujudkan persekitaran kelas mengarang yang kondusif. Justeru, dalam pengajaran kemahiran mengarang, guru bukan sahaja perlu memberi penerangan tentang sesuatu aspek kemahiran mengarang tetapi juga memberi tunjuk ajar dalam konteks penulisan karangan pada bila-bila masa sahaja diperlukan oleh pelajar. Selain itu, guru sebagai fasilitator perlu dapat memudahkan proses penulisan karangan yang dilalui pelajar di dalam kelas dengan memberi bantuan yang diperlukan semasa menulis. Dengan itu, program pendidikan guru, khususnya dalam penyediaan bakal guru perlu mengambil kira ketiga-tiga peranan tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang.

Pendekatan pengajaran kemahiran mengajar karangan dalam program pendidikan guru khususnya, pengajaran kemahiran menulis harus diteliti untuk membolehkan bakal guru dilatih untuk menukarkan fokus pengajaran mereka daripada penumpuan kepada hasil karangan kepada proses mengarang itu sendiri. Perubahan penumpuan pengajaran kemahiran mengarang tersebut dapat dilakukan dengan membekalkan para bakal guru dengan pelbagai pendekatan (seperti pendekatan proses) dan strategi penulisan karangan (seperti strategi pembentukan dan penyelesaian masalah retorik). Dalam latihan penggunaan pendekatan dan strategi penulisan karangan, para pensyarah bukan sahaja perlu diberi syarahan dan nota tetapi latihan untuk menjalankannya di dalam kelas. Pelaksanaan latihan tersebut memerlukan para pendidik

membantu bakal guru menterjemahkan teori, pendekatan, dan strategi tersebut ke dalam bentuk amalan pengajaran yang dapat digunakan dalam situasi kelas (Marohai Yusoff & Zulkfli A Manaf, 1997).

6.0 KAJIAN LEPAS

Abdul Ghani (2016), kajian berkaitan tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka murid berprestasi rendah. Kajian ini bertujuan menganalisis tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka serta menjelaskan persamaan dan perbezaan tingkah laku dalam kalangan murid tingkatan dua berprestasi rendah mengikut gender (lelaki dan perempuan). Informan kajian terdiri daripada enam orang murid tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di Kedah. Sumber data diperoleh adalah daripada pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Hasil penulisan karangan respons terbuka dalam kalangan murid lelaki dan perempuan berprestasi rendah menunjukkan hasil penulisan karangan yang lemah. Dengan itu guru digalakkan menyebati kemahiran berfikir kreatif dalam pembelajaran dan pengajaran karangan respons terbuka dengan memberi penekanan kepada aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) tanpa mengambilkira sama ada murid berminat atau sebaliknya. Implikasi kajian ialah murid perlu sedar tentang penggunaan strategi dalam penulisan karangan. Dalam pembelajaran dan pengajaran ilmu mengarang, strategi metakognitif perlu dilatih kepada murid bagi membolehkan mereka mempunyai pengawalan terhadap bentuk dan haluan teks karangan yang ditulis. Informan kajian tidak membuat persediaan untuk menghasilkan karangan respons terbuka, penggunaan kata kunci soalan, menyediakan rangka karangan, perenggan pendahuluan, menulis perenggan isi, menulis perenggan kesimpulan, menyunting dan menyemak karangan.

Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman (2011) telah membuat kajian bertajuk *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah*. Kajian ini bertujuan meninjau pendapat guru tentang sikap mereka terhadap pelaksanaan kemahiran menulis serta meninjau strategi pengajaran yang diaplikasikan oleh guru, menganalisis permasalahan kemahiran menulis yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati guru bersetuju bahawa mengajar kemahiran menulis merupakan tanggungjawab guru yang mencabar. Dari segi pengaplikasian

strategi pengajaran pula, guru bersetuju bahawa mereka mengajarkan murid kemahiran penulisan yang mudah kepada sukar. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu iaitu masalah pengetahuan dan kemahiran guru serta masalah kelemahan murid dalam kemahiran menulis. Kajian ini mencadangkan guru-guru perlu bersikap positif terhadap kemahiran menulis dan melaksanakan kemahiran menulis dengan strategi yang lebih berkesan. Selain itu, guru-guru juga patut berusaha mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis melalui pengajaran yang kreatif dan berkualiti agar penguasaan murid dalam kemahiran tersebut dapat dipertingkatkan.

7.0 KESIMPULAN

Kelemahan dalam kemahiran membaca dan menulis akan menyebabkan potensi dan motivasi pelajar semakin menurun. Penggunaan kaedah yang pelbagai dapat mengelakkan perasaan bosan dan penat semasa proses pembelajaran berlangsung. Cadangan yang boleh dilakukan oleh pensyarah ialah memberikan latihan berkaitan bahasa dan memotivasi pelajar sebelum memulakan perkuliahan. Pensyarah perlu aktif dalam menguruskan kegiatan pertandingan penghasilan penulisan ilmiah yang menepati masa dan bernas. Tugasan yang berkaitan dengan aktiviti pembacaan buku dan latihan dalam menganalisis sesuatu penulisan (Rian, Sarwiji, & Budhi, 2015) Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang positif berkaitan kefahaman unsur bahasa dan kompetensi menulis karya ilmiah. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara sikap terhadap bahasa dengan kompetensi menulis bahan ilmiah. Dapatan juga menunjukkan bahawa kefahaman terhadap unsur bahasa penting dalam memahami dan menggunakan unsur bahasa untuk memberikan idea (Rian et al., 2015).

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini adalah menggunakan dana Geran Penyelidikan Inovasi KUIS (GPIK 2017) di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

RUJUKAN

- Aini, A. N., Zamri, M., & Zahara, A. (2012). Pengajaran Kemahiran Komunikasi Bagi Murid-Murid (Communication Skill Teaching Among Severe Learning Disabilities Pupils) PENGENALAN World Declaration on Education for All (WDEHA 1994) yang berlangsung di Jomtien , Thailand menyebut bahawa semua indiv. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2, 11–18.
- Akmar, A. L. K., Redzaudin, G. A., Rofian, I. M., & Noor, H. M. (2009). Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) Mengikut Pandangan Para Pensyarah Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia, 152–168.
- Ghani, J. A. (2016). Murid Berprestasi Rendah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 1(October), 1–8.
- Hashim, O. (2005). Penilaian Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Dalam Bahasa Melayu Murid Sekolah Kebangsaan Kebolehpercayaan Instrumen. *Kertas Kerja Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu Bertema Merekayasa Pendidikan Bahasa Melayu Untuk Mendepani Cabaran Semasa*, (September), 1–16.
- Muhammad Zahri Abdul karim & Muhammad Haron Husaini. (2016). Tahap Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, iii(1), 123–138. <https://doi.org/10.1111/j.1475-6765.2011.02014.x>
- Rasid, J. A. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1–12. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/2528/>
- Rian, A., Sarwiji, S., & Budhi, S. (2015). Hubungan. *Hubungan Antara Pemahaman Unsur Kebahasaan dan Sikap Terhadap Bahasa Indonesia Dengan Kompetensi Menulis Karya Ilmiah Mahasiswa*.
- Yahya, O., & Suzanawaty, P. O. D. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah (The Ability to Master the Writing Skills Through Project Based Learning in Writing Brochure in the Primary School). *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 4(1), 2180–4842. Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/7110/1/19-29_Yahya_et_al.UKM.pdf
- Yusfaiza, Y., & Ishah, A. M. (2012). Aplikasi pembelajaran jigsaw ii dalam pengajaran penulisan bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2, 62–70.
- Zaid, M. M., Yahya, B., Kahirol, M. S., Rizal, M. A., & Mirdaa, M. (2011). Kompetensi interpersonal dalam kalangan mahasiswa universiti berdasarkan kepada Model Human Resource Development (HRD) Practice McLagan. *Journal of Human Capital Development*, 4(2), 1–40. Retrieved from http://jhcd.utem.edu.my/index2.php?option=com_docman&task=doc_view&gid=117&Itemid=80
- Zaleha, A. (2014). Kemahiran menulis: Peningkatan kemahiran dalam kalangan pelajar melalui program “tinta emas.” *Seminar Bahasa Melayu*, 146–155.